

# Minat terhadap dunia marin bawa kejayaan

UB 21-10-2012 A3

KOTA KINABALU: Minat yang mendalam terhadap bidang marin membawanya untuk mengambil kursus Sains Marin, Sekolah Sains dan Teknologi (SST) di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Selama tiga tahun mengikuti kursus berkenaan, cintanya terhadap dunia marin juga semakin berkembang.

Gabungan minat dan cinta itulah membawa Pricynthia Nesha Selvaraja, 22, memperolehi anugerah Pingat Emas Alumni sempena Konvokesyen UMS Ke-14 tahun ini.

"Walaupun kursus ini bukanlah pilihan pertama saya semasa membuat permohonan masuk universiti dulu, namun saya tidak menyesal menjadi graduan dalam bidang Sains Marin ini.

"Ia satu kursus yang begitu menarik untuk dipelajari dan didalami dan selama mengikuti kursus ini, banyak ilmu pengetahuan yang saya perolehi," katanya kepada media ketika ditemui pada majlis konvokesyen itu di sini kelmarin.

Anak sulung daripada dua adik-beradik ini kini bertugas sebagai Pengurus Program



**PRICYNTHIA**

Pendidikan di Reff Check Malaysia, Kuala Lumpur sejak awal bulan ini.

Dipilih sebagai salah seorang penerima anugerah kecemerlangan sempena konvokesyen UMS kali ini adalah perkara yang tidak diduga olehnya.

"Ketika diberitahu tentang penerimaan anugerah ini pun saya masih tidak percaya kerana bagi saya memperolehi keputusan cemerlang itu sudah memadai.

"Anugerah ini juga menjadi pendorong untuk saya berusaha lebih gigih dan memperolehi kejayaan pada masa akan datang," katanya



**FITRI**

yang berasal daripada Kuala Lumpur ini.

Pricynthia berkata, pembahagian masa yang baik antara akademik dan kokurikulum juga antara faktor yang menyumbang kepada kejayaannya.

Mengakui dirinya seorang yang aktif dalam aktiviti kokurikulum dan persatuan, justeru, kebijaksanaan dalam mengatur masa perlu ada dalam diri seorang pelajar.

Ditanya apakah perancangannya untuk masa akan datang, beliau mahu mengumpul pengalaman terlebih dahulu dalam kerjaya sekarang sebelum

melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Bagi Mohd Fitri Arif Kadiru, 23, menerima tawaran pekerjaan dalam bidang yang diceburi adalah satu kejayaan buat seorang graduan sepertinya.

Mengambil jurusan Geologi SST memberikan peluang kepada Fitri untuk lebih mengenali bidang pengajiannya secara mendalam.

"Bagi saya, Geologi adalah satu kursus yang banyak cabaran dan ia sangat sesuai dengan saya yang gemar kepada cabaran.

"Kami mempelajari tentang keadaan alam sekitar serta banyak membuat pemantauan tentang struktur bumi yang mana bagi saya ia sesuatu yang menyeronokkan," katanya.

Selepas majlis konvokesyen ini, Fitri bakal memasuki alam pekerjaan dengan menerima tawaran daripada sebuah syarikat di Sarawak sebagai pengelol lumpur.

Walaupun nama jawatan itu agak ganjil bunyinya, namun beliau yakin mampu memberikan sepenuh tanggungjawab kepada tugas baru yang bakal diterima.